

Rujukan : USM.JB.PB.G.1/2021

Tarikh : 6 April 2021

Dekan/ Pengarah/ Penyelaras/ Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/ Pusat Kecemerlangan/
Pusat Perkhidmatan/ Jabatan

Semua Kampus
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2021:
KEMUDAHAN PERJALANAN UDARA RASMI**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, Jabatan Bendahari telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2015 – Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Staf USM Kerana Menjalankan Tugas Rasmi. Pekeliling ini turut menjelaskan secara ringkas berkaitan Kemudahan Perjalanan Dengan Kapal Terbang pada perenggan tujuh (7).

3. Bagaimanapun, selaras dengan Pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh Kerajaan, Jabatan Bendahari mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2021 – Kemudahan Perjalanan Udara, untuk menjelaskan secara terperinci tentang peraturan, kelayakan, kaedah tempahan / pembelian tiket, kos yang dibenarkan bagi tempahan penerbangan dan denda ke atas "No Show Passengers".

4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta dari tarikh ia dikeluarkan dan dibaca bersama dengan perkara tujuh (7) Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2015 – Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran kepada Staf USM kerana Menjalankan Tugas Rasmi.

Kerjasama dan keperihatinan YBhg. Dato' / Prof / Dr / Tuan / Puan memanjangkan hebahan ini kepada semua di bawah seliaan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUL ARIFFIN NGAH)
Bendahari

s.k. Naib Canselor

